

Keperluan modul kejurulatihan pidato di sekolah rendah: Satu tinjauan umum

ABSTRAK

Artikel berbentuk tinjauan umum ini dihasilkan adalah untuk meninjau keperluan modul kejurulatihan pidato di sekolah rendah. Penulisan artikel ini menekankan pentingnya kewujudan modul pengajaran kemahiran berhujah seperti pidato dalam bidang pendidikan. Artikel ini juga menunjukkan dapatan literatur berkaitan keperluan membangunkan modul kejurulatihan pidato kepada guru-guru di sekolah meliputi skop di dalam dan di luar negara. Maka, dapatan artikel ini menjustifikasikan bahawa wujud keperluan membangunkan modul kejurulatihan pidato kepada guru Bahasa Melayu di sekolah rendah hasil daripada sorotan literatur yang diperolehi. Artikel ini diharap dapat memberikan sumbangan dalam bidang ilmu dan penerokaan literatur kepada pengkaji yang lain.